

Teruskan rundingan, pertahan pendirian

BERITA HARIAN 10 JUL 2025

Mk: 2

Pasukan perunding Malaysia akan kemuka hujah berkaitan kepada AS sebelum kadar tarif dimuktamad

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Suzalina Halid dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my



Anwar berucap ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN Ke-58 di KLCC, semalam. (Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Kuala Lumpur: Malaysia akan terus berunding dengan Amerika Syarikat (AS) susulan tindakan negara berkenaan mengenakan kadar tarif balas sebanyak 25 peratus ke atas eksport Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata dalam rundingan berkenaan, Malaysia akan mengemukakan hujah berkaitan kepada AS sebelum kadar tarif itu dimuktamadkan pada Ogos depan.

"Kami (Malaysia) telah menghantar pasukan rundingan untuk menjelaskan pendirian bahawa negara kita adalah sebuah negara dagang dan sebarang tarif secara unilateral akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara ini dan rantau ini," katanya.

"Tentunya hubungan dengan AS kita harus kekalkan, tetapi kita juga akan pertahankan pendirian kita bahawa Malaysia ini negara dagang, jadi kita akan minta supaya dipertimbangkan (kadar tarif) itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (AMM) Ke-58 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Marco Rubio, hari ini.

Dalam pertemuan bersama Rubio yang mengadakan lawatan sulung ke Malaysia, Perdana Menteri berkata, sudah tentu isu berkaitan tarif import yang dikenakan AS ke atas Malaysia bermula 1 Ogos ini akan turut dibangkitkan.

"Saya akan berjumpa dengannya esok... sudah tentu saya akan bangkitkan sebahagian isu untuk pertimbangan supaya mereka juga boleh pertimbang sebelum keputusan akhir dibuat Presiden Trump (Donald

Trump)," katanya.

Rubio yang memegang jawatan itu awal tahun ini dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Anwar.

Dalam kenyataan kelmarin, Trump mengumumkan tarif import yang dikenakan ke atas beberapa negara, termasuk dalam kalangan negara ASEAN, bermula 1 Ogos ini.

Ia sekali gus menandakan permulaan fasa baharu dalam siri tindakan perdagangan terhadap beberapa negara rakan dagang utama Washington.

Rubio dilaporkan turut akan mengadakan perbincangan dengan pegawai kanan Kerajaan Malaysia ketika lawatan kali ini, dengan antara tumpuan ialah memperkukuhkan komitmen AS dalam memajukan rantau Indo-Pasifik yang bebas, terbuka dan selamat.

Beri impak negatif

Dalam pada itu, Perdana Menteri menegaskan tindakan AS mengenakan tarif secara unilateral akan memberi impak negatif kepada Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Perdana Menteri berkata, hubungan dengan AS tetap penting dan perlu dikekalkan, namun Malaysia tidak akan berkompromi dalam mempertahankan kepentingan ekonominya.

"Jadi, kita letak seperti pertimbangan, kita dah kemukakan alasan dan hujah serta dia beri sampai Ogos untuk memuktamadkan," katanya.

Sementara itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata Malaysia akan terus mengadakan libat urus dengan wakil perdagangan AS sehingga 1 Ogos ini bagi meneruskan rundingan membabitkan perkara yang ma-

sih tertunggak.

Katanya, dari segi sektor tertentu, rundingan yang dibuat adalah mengenai produk perindustrian merangkumi sektor seperti jentera dan peralatan, produk kimia dan berasaskan kimia, peranti perubatan, besi dan keluli, aluminium, plastik, automotif, dan sektor elektrik & elektronik (E&E).

"Bagi produk pertanian, rundingan tertumpu pada buah-buahan, bijirin dan beras, ayam daging hidup dan telur, daging, susu dan produk tenusu, serta alkohol.

"Terdapat juga dakwaan mengenai halangan bukan tarif yang dirundingkan termasuk isu pensijilan halal," katanya pada sidang media semalam.

Tengku Zafrul berkata, strategi perundingan Malaysia mengenai produk pertanian adalah keseimbangan pragmatik antara kesihatan awam dan prinsip timbal balik.

Secara umum, katanya, kedua-dua pihak bersetuju untuk menambah baik pelbagai langkah, termasuk penerimaan pensijilan kawal selia AS bagi produk makanan tertentu.

"Mengenai isu persekitaran dan buruh, Malaysia bersetuju untuk mempertingkatkan perlindungan alam sekitar selaras dengan komitmen global serta piawaian buruh antarabangsa.

"Dalam perdagangan digital, Malaysia komited memudahkan pendigitalan dalam perdagangan dan menggalakkan aliran data rentas sempadan yang selamat bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

"Pendekatan ini berasaskan prinsip tidak mendiskriminasi sambil mengekalkan hak kedaulatan untuk mengawal selia demi kepentingan awam dan keselamatan," katanya.